



ANALISIS PERCERAIAN DI NEGERI SEMBILAN SEBELUM DAN
SELEPAS KUATKUASA ENAKMEN KELUARGA ISLAM
NEGERI SEMBILAN 1983

D
L
E
H

FATIMAH BTE MANJA

(G 911147)

D
I
B
A
W
A
H

FENYELIA

TUAN HAJI MOHAMED HAJI ABU BAKAR
PENSYARAH KULIYYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
PETALING JAYA, SELANGOR

ANALISIS PERCERAIAN DI NEGERI SEMBILAN
SEBELUM DAN SELEPAS KUATKUASA ENAKMEN
KELUARGA ISLAM NEGERI SEMBILAN 1983

*
*
*

OLEH

FATIMAH BTE MANJA

(G 911147)

*
*
*

KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN
KEPADA KULIYYAH UNDANG-UNDANG UNIVERSITI
ISLAM ANTARABANGSA, PETALING JAYA, SELANGOR
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARI SYARAT UNTUK
MENDAPATKAN DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN
PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM SESSI 1991/1992

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, penulis memanjatkan kesyukuran kepada Allah yang telah memberikan taufik dan hidayahNya sehingga kertas projek ini berhasil disiapkan.

Di dalam ruangan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada yang berbahagia Tuan Hj. Mohamed bin Hj. Abu Bakar tenaga pengajar Kulliyah Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa, juga selaku "penyelia" kertas projek ini yang telah banyak menghabiskan masa memberikan bimbingan dan tunjuk ajar tanpa rasa jemu sehingga kertas projek ini selesai ditulis.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga diucapkan kepada semua Pensyarah Kulliyah Undang-Undang dan semua tenaga pengajar yang pernah mendidik penulis. Dengan keikhlasan mereka penulis telah mendapat sedikit sebanyak ilmu pengetahuan yang tidak ternilai harganya.

Di kesempatan ini juga penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam, Universiti Islam Antarabangsa dan Pengarah. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan yang telah memberikan sokongan dan kemudahan kepada penulis untuk mengikuti kursus diploma Undang-undang dan pentadbiran kehakiman Islam dalam perkhidmatan.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua kakitangan yang telah memberikan kerjasama membantu penulis mendapatkan butir-butir maklumat bagi menghasilkan kertas projek ini, khususnya kepada semua penolong pegawai kebajikan wanita yang sentiasa menghantarkan penyata bulanan nikah, cerai dan ruju', dimana maklumat-maklumat tersebut banyak membantu penulis menghasilkan analisis kertas projek ini. Tidak lupa juga kepada En. Roslan Bujang dan En. Zakaria Salleh yang membantu penulis mengumpulkan data-data yang diperlukan.

Akhirnya penghargaan istimewa diabadikan buat keluarga tercinta yang telah banyak berkorban serta mendoakan kejayaan penulis. Semoga kalian diberkati Allah.

Wa billahi al-taufiq wa al-hidayah.

MUQADDIMAH

Kertas projek ini dikemukakan kepada Kulliyah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa, bagi memenuhi sebahagian dari syarat untuk mendapatkan " Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam Dalam Perkhidmatan " bagi sesi 1991/1992.

Tajuk kertas projek ini ialah " Analisis Perceraian di Negeri Sembilan sebelum dan selepas Kuatkuasa Enakmen Keluar-ga Islam Negeri Sembilan 1983"

Penulis berminat memilih dan membuat analisis ini kerana :-

- a) Ianya secara langsung berkaitan dengan kerjaya penulis.
- b) Ingin mengkaji dan mengetahui keberkesanan enakmen tersebut dalam soal perceraian.
- c) Hasil analisis ini kelak dapat juga penulis memikirkan jalan ke arah mengurangkan kadar perceraian selain yang telah diperuntukkan dalam enakmen tersebut berkaitan dengan perceraian.
- d) Untuk menokok tambah "peruntukkan" yang difikirkan dapat membendung serta mengurangkan kadar perceraian.

Dalam usaha menghasilkan kertas projek ini penulis menggunakan tiga cara iaitu :-

- a) Kajian Perpustakaan di UIA dan di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan dengan merujuk kepada beberapa buah buku.
- b) Melalui Fail-fail kes, penyata bulanan dan laporan tahunan. Untuk mendapatkan maklumat yang tepat berhubung dengan analisis ini semakan dibuat sendiri oleh penulis dengan menelitinya satu persatu.
- c) Cara lain yang digunakan oleh penulis untuk mendapatkan maklumat dan butir-butir kajian ini ialah dengan mengadakan temubual dengan pihak-pihak yang berkenaan di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan.

Sepanjang kajian ini dibuat, penulis banyak menerima bantuan dan kerjasama dari pihak-pihak yang berkaitan dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan dan pejabat-pejabat Pendaftaran Nikah Cerai dan rujuk daerah (pejabat Qadi).

Sungguhpun begitu, penulis menghadapi sedikit kesulitan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan walaupun usaha dilakukan sedaya mungkin, kedapatan juga butir-butir yang tidak ditemui. Ada diantaranya kerana maklumat yang dikehendaki, tidak tercatat dalam fail kes pasangan yang bercerai itu.

Dengan rasa rendah diri penulis mengemukakan " kertas projek " ini yang mungkin mengandungi beberapa kelemahan dan kekurangan yang boleh diperbaiki dan ditukuk tambah. Namun begitu, penulis telah berusaha sedaya upaya menjadikannya terperinci dan lengkap.

SINOPSIS

Kertas projek ini dinamakan " Analisis Perceraian di Negeri Sembilan sebelum dan selepas Kuatkuasa Enakmen Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983 ". Ianya dibahagikan kepada tiga bab disertai dengan tajuk-tajuk kecil yang menghuraikan tajuk bagi setiap bab.

Bab pertama mengandungi lima fasal. Muqaddimah perkahwinan dan perceraian dibicarakan dalam fasal satu. Fasal kedua menyentuh tentang institusi pentadbiran nikah, cerai dan ruju' di Negeri Sembilan sebelum dan selepas Kuatkuasa Enakmen Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983. Begitu juga diterangkan peraturan-peraturan perceraian di bawah " Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syara' (No.15, 1960) " dan Undang-Undang selepasnya diterangkan dalam fasal ketiga. Manakala fasal keempat menjelaskan dalil-dalil persyari'atan talaq. Peruntukan dan jenis-jenis tuntutan cerai menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983 disebut dalam fasal kelima.

Di dalam bab kedua pula yang dibahagikan kepada empat fasal diterangkan mengenai perangkaan perceraian di Negeri Sembilan dalam fasal satu. Fasal kedua menjelaskan tentang perkara-perkara yang dianalisis seterusnya faktor-faktor yang membawa kepada perceraian dijelaskan dalam fasal ketiga. Fasal keempat merupakan kesimpulan analisis tersebut.

Akhirnya bab ketiga pula dipecahkan kepada dua fasal. Fasal yang pertama membincangkan kesan perceraian, ianya meliputi tanggungjawab suami, tanggungjawab isteri dan tanggungjawab bersama.

Di samping itu pula dinyatakan juga kesan perceraian kepada perasaan, suami, isteri dan keluarga kedua belah pihak. Manakala usaha-usaha ke arah membendung dan mengawal perceraian diterangkan dalam fasal kedua. Seterusnya kesimpulan kertas projek ini.



- IX -

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الجامعة الإسلامية العالمية
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY
يُونَيْبَرَسِيَّتِي إِسْلَامِيَّاتٍ أَنْتَارَابَجَسِيَا

Our Reference
(Rujukan Kami)

Date
(Tarikh)

LIU.TD(A)/1.6-1/56/1

13th September 1991

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

NAMA : FATIMAH MANJA
NO. MATRIK: G 911147
TAJUK : ANALISIS PERCERAIAN DI NEGERI SEMBILAN SEBELUM DAN
K/PROJEK SELEPAS KUATKUASA ENAKMEN KELUARGA ISLAM N. SEMBILAN
1983

Adalah dengan hormatnya dimaklumkan bahawa penama di atas ialah peserta Kursus Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam, Universiti Islam Antarabangsa sesi 1991/92.

2. Kertas Projek adalah merupakan tugas wajib untuk peserta kursus ini. Oleh yang demikian, kerjasama daripada pihak tuan adalah diperlukan untuk membantu peserta ini dalam menyiapkan kertas projeknya.

Terima kasih.

Yang benar,

(PROF. DR. MAHMUD SAEDON AWANG OTHMAN)
Timbalan Dekan (Akademik)
Kulliyah Undang-Undang

Be-selepa

Yang Berhormat,
Jabatan Pendidikan Islam,
Kulliyah Undang-Undang

26/9/91

TRANSLITERASI

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh</u>	<u>Tranliterasi</u>
ء	'	سأل	sa'ala
ا	-	اصفياء	asfiyā'
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamāl
ح	h	حديث	hadīth
خ	kh	خالد	Khālid
د	d	ديوان	dīwān
ذ	dh	ذلك	dhālika
ر	r	رحمن	Rahmān
ز	z	زابور	Zabūr
س	s	سبيل	Sabīl
ش	sy	شمس	Shams
ص	s	صبر	Sabr
ض	d	ضمير	damīr
ط	t	طالب	Tālib
ظ	z	ظهر	Zuhr
ع	c	عالم	c'alim
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضى	qādī
ك	k	كأس	ka's
ل	l	لين	Laban

م	m	مزمَار	mizmār
ن	n	نِيَّة	niyyah
هـ	h	هَبَطَ	habata
و	w	وَبَر	wabar
ي	y	يَاسِينَ	yāsīn

VOKAL PENDEK

a _____

i _____

u _____

VOKAL PANJANG

ā ا _____

ī ي _____

ū و _____

DIFTONG

ay ي _____

aw و _____

VOKAL PENDEK

CONTOH

Vokal a:	فعل	=	fa ^c ala
Vokal i:	فعل	=	fa ^c ila
Vokal u:	فعل	=	fu ^c ula

TRANSLITERASI

VOKAL PANJANG

- | | | | | |
|----|------------------|-------|---|---------------------|
| 1. | Vokal panjang ā: | فاعل | = | fā ^c ala |
| 2. | Vokal panjang ī: | فعليل | = | fa ^c īl |
| 3. | Vokal panjang ū: | فعلول | = | fa ^c ūla |

DIFTONG

- | | | | | |
|----|-------|------|---|---|
| 1. | aw : | قول | = | qawl |
| 2. | ay : | سيف | = | sayf |
| 3. | iyy : | رجعي | = | raj ^c iyy <u>atau</u> raj ^c ī |
| 4. | uww : | عضو | = | caduww <u>atau</u> cadūw |

TA' MARBUTAH

Contoh:	شريعة	=	Shari ^c at
	كتابة	=	Kitābat

JUDUL	i
PENGHARGAAN	iii
MUQADDIMAH	v
SINOPSIS	vii
SURAT PERMOHONAN DAN KEBENARAN MEMBUAT KAJIAN	ix
TRANSLITERASI	x
ISIKANDUNGAN	xii

BAB PERTAMA

Pengenalan, Pentadbiran, Pencyariatian dan Peruntukkan Perceraian Menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983.

1.1 Muqaddimah perkahwinan dan perceraian	1
1.2 Institusi Pentadbiran nikah, cerai dan ruju' di Negeri Sembilan Darul Khusus	3
a) Pentadbiran nikah, cerai dan ruju' SEBELUM Kuatkuasa Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983	5
b) Pentadbiran nikah, cerai dan ruju' SELEPAS Kuatkuasa Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983	9
1.3 Peraturan-peraturan perceraian di Negeri Sembilan	
a) Peraturan-peraturan perceraian SEBELUM Kuatkuasa Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983	21
b) Peraturan-peraturan perceraian SELEPAS Kuatkuasa Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983	27 ✓

1.4	Dalil-Dalil pensyarifatan talāq	35
1.5	Peruntukkan dan jenis-jenis cerai menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983	
	a) Perceraian dengan Kebenaran Mahkamah	38
	b) Perceraian di luar Mahkamah/ tanpa Kebenaran	56

BAB KEDUA

PERANGKAPAN, ANALISIS DAN SEBAB-SEBAB PERCERAIAN.

2.1	Perangkaan perceraian di Negeri Sembilan	57
2.2	Perkara-perkara yang di Analisis :-	
	1) Disegi bilangan pasangan yang bercerai :-	
	i-Perbandingan jumlah aduan krisis rumahtangga dengan bilangan pasangan yang bercerai	61
	ii-Kedudukan daerah-daerah di Negeri Sembilan di segi bilangan perceraian yang tertinggi dan terendah	69
	iii-Perbandingan perangkaan nikah, cerai dan rujuk di segi jumlah pasangan	76
	2) Jenis-jenis perceraian :-	
	i-Perceraian dengan Kebenaran Mahkamah	80
	ii-Perceraian di luar Mahkamah	81
	3) Bilangan anak yang diperolehi (selepas bercerai) ..	102

4) Tempoh perkahwinan yang berakhir
dengan perceraian 107

5) Had Umur pasangan yang bercerai 124

6) Golongan/Status mereka yang bercerai 144

2.3 Faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perceraian

a) Tanggungjawab..... 147

b) Kasihsayang..... 153

c) Hubungan Kelamin..... 156

d) Pengetahuan Agama..... 158

e) Latarbelakang kehidupan/status..... 161

f) Hubungan Kekeluargaan..... 168

g) Pengaruh keadaan sekeliling..... 171

h) Sebab-sebab lain..... 173

2.4 Kesimpulan Analisis..... 176

BAB KETIGA

KESAN PERCERAIAN DAN USAHA-USAHA KE ARAH MENGATASINYA.

3.1 Kesan-kesan perceraian..... 180

a) Tanggungjawab :

 i- Suami..... 181

 ii- Isteri..... 184

 iii- Tanggungjawab bersama..... 187

b) Perasaan :	
i- Suami.....	191
ii- Isteri.....	194
iii- Hubungan Kekeluargaan.....	197
3.2 Usaha-usaha ke arah membendung dan mengawalinya.....	204
KESIMPULAN.....	217
LAMPIRAN.....	220
BIBLIOGRAFI	

BAB PERTAMA

Pengenalan, Pentadbiran, Pensyarifatan dan Peruntukan Perceraian Menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983

1.1 Muqaddimah Perkahwinan Dan Perceraian

Perkahwinan dan perceraian adalah topik yang sering diperkatakan oleh ahli-ahli fikir sejak dari dahulu hingga sekarang. Sebelum penulis membincangkan soal perceraian dan analisisnya di Negeri Sembilan, adalah tidak lengkap jika soal perkahwinan tidak disebut lebih dahulu sebagai pengenalan. Ini adalah kerana perceraian berlaku setelah terhasilnya ijabkabal.

Memahami erti dan konsep perkahwinan dalam Islam amatlah penting. Kekeliruan dan tidak jelas dalam soal ini boleh membawa kepada kucar-kacirnya rumahtangga. Perkahwinan adalah asas terbentuknya keluarga. Himpunan unit-unit keluarga yang kecil itu akan menghasilkan sebuah masyarakat akhirnya mewujudkan sebuah negara. Sekiranya perkahwinan berjalan dengan baik dan teratur sebagaimana yang ditetapkan oleh Allah sudah tentulah kehidupan masyarakat turut berada di dalam keadaan yang stabil dan sihat. Kesan kestabilan ini tentulah kepada negara, negara akan mencapai kepesatan pembangunan dan kestabilan politik.

Perkahwinan yang digalakkan oleh Islam bukanlah semata-mata untuk memenuhi keinginan naluri manusia sahaja, malah tujuan serta asas perkahwinan itu adalah lebih agong dan mulia dari itu. Di antara tujuannya ialah untuk melahirkan zuriat yang ṣoleh beribadat kepada Allah, menegakkan keimanan dan kemakmuran sejagat. Rumusan yang dapat dibuat bahawa hikmat, dan tujuan perkahwinan dalam Islam ialah untuk memelihara keluhuran peribadi, keselamatan, kesejahteraan masyarakat dan keamanan negara.

Perceraian atau ṭalaq adalah sebenci-sebenci perkara yang halal di sisi Allah, keharusannya bukanlah bererti Islam dengan sewenang-wenangnya membiarkan perkara itu berjalan tanpa kawalan. Tambahan pula perceraian itu tidak selamanya negatif adakalanya ia merupakan jalan keluar kepada penyelesaian masalah.

Perceraian diharuskan andaikata dalam pergaulan suami isteri itu tidak dapat memenuhi tujuan-tujuan perkahwinan yang dikehendaki dalam Islam, sebaliknya pergaulan mereka menjadi punca perselisihan dan perpecahan. Ini adalah kerana tiada lagi keinginan untuk bermuafakat antara suami isteri, serta hilang kepercayaan antara satu sama lain, maka dengan kemurahan Allah dibukakannya jalan keluar dari ketegangan dan kesulitan itu iaitu melalui perceraian.

Melalui jalan keluar yang diharuskan ini mengembalikan ketenangan dan kebahagiaan di antara kedua belah pihak serta memberi peluang kepada keduanya memilih teman yang lebih baik dan sesuai mengikut keinginan masing-masing.

1.2 Institusi Pentadbiran Nikah, Cerai Dan Ruju¹,
Di Negeri Sembilan Darul Khusus

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan telah ditubuhkan pada 1hb Januari 1950 yang diawal penubuhannya dinamakan "Pejabat Agama Islam Negeri Sembilan:"¹ Ianya ditubuhkan untuk menyelaraskan pentadbiran agama dan memajukan serta mengemaskini pentadbiran hal ehwal Islam di Negeri Sembilan.

Pada hari ini Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan mengandungi enam bahagian iaitu ² :-

- a) Bahagian Pendidikan Dan Pelajaran yang terdiri dari dua unit :
- i) Unit Akademik dan,
 - ii) Unit Perkhidmatan Pelajaran.

¹ Temubual dengan Tuan Haji Mohamed Haji Hussein, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan pada 26-9-91 jam 3 petang.

² Ibid serta lihat Lampiran A

- b) Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Syari'ah yang mengandungi dua unit :
- i) Unit Pembangunan Keluarga dan,
 - ii) Unit Khidmat Nasihat (Unit Kaunseling).
- c) Bahagian Pentadbiran dan Kewangan yang terdiri dari tiga unit
- i) Unit Perkhidmatan,
 - ii) Unit Kewangan dan,
 - iii) Unit Pembangunan.
- d) Bahagian Dakwah yang juga mengandungi tiga unit,
- i) Unit Dakwah,
 - ii) Unit Ukhuwah dan,
 - iii) Unit Qariah
- e) Bahagian Pencegahan dan Pendakwaan yang terdiri dari dua unit :-
- i) Unit Pencegahan dan Penguatkuasaan serta,
 - ii) Unit Pendakwaan.
- f) Bahagian Penyelidikan yang mengandungi tiga unit,
- i) Unit Syari'ah,
 - ii) Unit Ekonomi dan Sosial serta,
 - iii) Unit Penapisan

Tiap-tiap bahagian yang disebutkan di atas mempunyai struktur organisasi yang tersendiri serta senarai tugas yang berkaitan dengannya.

Merujuk kepada struktur organisasi jabatan ini seperti yang disebutkan diatas, penulis hanya menekankan bahagian-bahagian yang bertanggung-jawab mentadbir urusan nikah, cerai dan ruju' di Negeri Sembilan sebelum dan selepas dikuatkuasakan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983 atau ringkasnya EKINS 1983. Sebelum EKINS 1983 berkuatkuasa, bahagian Mahkamah Syari'ah adalah bertanggungjawab mentadbir urusan nikah, cerai dan ruju' di Negeri Sembilan tetapi selepas 1hb Jun 1988 iaitu tarikh EKINS 1983 mula dikuatkuasakan tugas tersebut diserahkan kepada bahagian Pentabiran Undang-Undang Syari'ah.

a) Pentadbiran Nikah, Cerai Dan Ruju' SEBELUM kuatkuasa Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983

Kelihatan terdapat perbezaan bahagian yang mengendalikan urusan nikah, cerai dan ruju' di negeri ini sebelum dan selepas dikuatkuasakan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983. Sejauhmanakah perbezaan yang terdapat di dalam pentadbiran urusan tersebut, perlulah dilihat undang-undang yang digunakan sebelum kuatkuasa enakmen tersebut dan bahagian-bahagian yang wujud dalam struktur organisasi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan.

Sebelum dilaksanakan Undang-undang Pentabiran Hukum Syara' No. 15, 1960, undang-undang yang berkuatkuasa mengenai perkahwinan, perceraian dan ruju' bagi orang-orang Islam di Negeri Sembilan ialah "Muhammedan Marriage and Divorces Enactment 1900."¹ Undang-undang ini telah dipinda dari masa ke semasa sehingga disatukan di bawah Muhammedan Marriage and Divorces Chapter.197 of the Revised Laws of the federated Malay States 1935.² Pada masa itu pentadbiran Nikah, perceraian dan Ruju' adalah di bawah kuasa Qādi yang diberi tauliah oleh Dato' Undang.³ Pada masa itu tidak terdapat Pejabat Qādi yang ada hanya pejabat Mufti. Qādi menjalankan tugas seorang diri tanpa ada pembantu sehinggalah pada tahun 1962 baharulah dilantik seorang pembantu pejabat bagi membantu tugas-tugas Qādi.

¹ Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid dan Raihanah Hj. Azahari, Undang-undang Keluarga Islam Konsep Dan Perlaksanaannya di Malaysia, (Kuala Lumpur : 1989) h, 46.

² Ibid

³ Temubual penulis dengan Dato' Hj. Abdullah Hj. Sijang, pada 17hb Mei 1992. Beliau pernah bertugas sebagai Qādi kawasan pantai, Seremban pada tahun 1949.

Pada tahun 1960, Undang-undang Pentadbiran Hukum Syara' No. 15, tahun 1960 telah diluluskan di Negeri Sembilan. Ianya mula dikuatkuasakan pada 6hb Januari 1961.¹ Tujuan utama undang-undang ini ialah untuk menyusun dan menyelaraskan pentadbiran Jabatan Agama Islam dalam soal-soal yang berhubung dengan menasihati Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan sebagai ketua agama Islam Negeri.²

Undang-undang ini mengandungi sepuluh bahagian iaitu ;

- i) Pendahuluan,
- ii) Majlis,
- iii) Mahkamah Syaria'ah,
- iv) Kewangan,
- v) Masjid,
- vi) Perkahwinan dan perceraian,
- vii) Nafqah orang-orang tanggungan,
- viii) Muallaf-Muallaf,
- ix) Kesalahan-kesalahan,
- x) Am.

¹ Ringkasan Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syara' Negeri Sembilan Cet. 1962, hal.1

² Muqaddimah, Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syara' Negeri Sembilan, No. 15, 1960

Bahagian yang berkaitan dengan perkahwinan dan perceraian boleh didapati dalam bahagian keenam di halaman 48 undang-undang tersebut. Di samping itu terdapat beberapa undang-undang kecil yang telah diluluskan termasuklah peraturan-peraturan perkahwinan, perceraian dan ruju' 1963.

Mulai 6hb Januari 1961 sehingga 31hb Mei 1988 soal yang bersangkutan dengan "Nikah, Cerai dan ruju'" adalah tertakluk di bawah Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syara', No. 15 tahun 1960. Bahagian yang mengendalikan pentadbiran Nikah, Cerai dan ruju' ialah bahagian "Mahkamah". Dikatakan bahagian Mahkamah kerana :-

- a) Pejabat Qādi yang mengendalikan urusan tersebut adalah satu unit dari bahagian Mahkamah.
- b) Pejabat Qādi dan Mahkamah Syari'ah daerah adalah dalam satu bumbung bangunan.
- c) Pegawai dan kakitangan yang mentadbir pejabat Qādi daerah adalah juga pentadbir mahkamah syari'ah daerahnya.
- d) Qādi daerah itu sendiri adalah sebagai Pendaftar Nikah, cerai dan Ruju', Hakim Mahkamah Syari'ah dan juga selaku pegawai yang mentadbir segala yang bersangkutan dengan hal ehwal Islam di daerahnya.

Qādi daerah adalah sebagai Pendaftar Nikah, Cerai dan Ruju' daerah yang bertanggungjawab mendaftar, merekodkan hal yang bersangkutan dengannya manakala Qādi Besar pula adalah Ketua Bahagian Mahkamah dan juga Ketua Pendaftar Nikah, Cerai dan Ruju' bagi seluruh Negeri Sembilan. Segala hal yang berkaitan dengan kekeluargaan yang tidak dapat diputuskan oleh Qādi daerah akan dirujuk kepada Qādi Besar selaku ketua di peringkat negeri begitu juga laporan bilangan pasangan yang bernikah, bercerai dan ruju' dikemukakan kepadanya oleh Qādi daerah.

b) Pentadbiran Nikah, Cerai dan Ruju' SELEPAS Kuatkuasa Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983

Dengan berkuatkuasa pelaksanaan¹ Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983 maka bahagian vi, vii, seksyen 147, 148, 152, dan 153 Bahagian ix Undang-undang Pentadbiran Hukum Syara' No. 15 tahun 1960 bagi Negeri Sembilan yang berkuatkuasa sebelum ini dihentikan penggunaannya.² Ini bermakna undang-undang keluarga yang baharu, diperkenalkan, bagi menggantikan peruntukkan-peruntukkan berkaitan dengan kekeluargaan yang terdapat sebelum ini.

¹ 1hb Jun 1988 ialah bermulanya tarikh dikuatkuasakan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983.

² Lihat seksyen 135 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983.